

# Tak perlu tangguh

## Projek River of Life berjalan tanpa tunggu penduduk pindah

ASYRAF MUHAMMAD

**PETALING JAYA** - Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPS WPKL) memaklumkan bahawa projek *River Of Life* (ROL) yang dijalankan di Sungai Keroh, Kepong tidak perlu ditangguhkan berikutan proses pembinaan masih dapat dijalankan di tapak tersebut tanpa perlu menunggu penduduk untuk berpindah.

Pengarah JPS WPKL, Abu Bakar Mohd Yusof berkata, pihaknya telah meneruskan kerja-kerja di tapak bagi menaik taraf tebing Sungai Keroh sepanjang 1 kilometer, pembinaan Natural Stone dan Gross Pollutant Trap (GPT).

Menurut Abu Bakar, skop kerja pembinaan yang telah siap dibina di kawasan itu adalah satu unit GPT manakala lima unit Natural Stone masih lagi dalam proses pembinaan.

"Kerja-kerja pembinaan ROL di bawah projek ini tidak perlu ditangguhkan memandangkan ia masih dapat dijalankan buat masa ini tanpa perlu menunggu penduduk berpindah," katanya menerusi kenyataan balas yang dikeluarkan ber-

hubung isu berkenaan.

Menurut Abu Bakar, bagaimanapun, bagi pelaksanaan projek ROL di bawah Program Pengindahan Rezab Sungai yang bakal dilaksanakan, rumah setinggan dan bengkel di kawasan itu perlu dipindahkan bagi menjayakan projek tersebut.

Katanya, berdasarkan kepada kerja-kerja ukur awalan penentuan *Right Of Way* (ROW) projek itu, pihaknya mendapati terdapat sebelas rumah setinggan yang mendiami tanah rezab kerajaan itu.

Pihaknya juga telah merujuk isu pencerobohan setinggan tersebut kepada Pengarah Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan (PTG WPKL) bagi tujuan tindakan selanjutnya di bawah Akta Kanun Tanah Negara (KTN).

"Berikutan itu, pihak DBKL telah menjalankan bancian penduduk bagi tujuan penyediaan penempatan baru di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR).

"Di bawah program itu, DBKL telah menawarkan penempatan PPR Beringin Kepong bagi keluarga yang terlibat dengan pelaksanaan



Laporan Sinar Harian pada 8 September lalu.

projek ROL tersebut.

"Walaupun sudah ditawarkan penempatan, masih ada penduduk dan pengusaha bengkel yang enggan berpindah," katanya.